

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/05/2008

# PM lancar Inisiatif MSC Malaysia Sarawak

KUALA LUMPUR 19 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan Inisiatif MSC Malaysia Sarawak bertujuan membolehkan penduduk negeri itu mencapai status masyarakat berpengetahuan ekonomi (k-ekonomi) menjelang 2010.

Fasa satu inisiatif berkenaan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kemudahan luar bandar, pembangunan sumber manusia, industri k-ekonomi serta menyediakan pusat-pusat kecemerlangan.

Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd. dilantik sebagai badan yang bertanggungjawab

merancang, mengatur serta menguruskan semua inisiatif yang terkandung dalam pelan MSC Malaysia Sarawak.

Pelancaran Inisiatif MSC Malaysia Sarawak berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sempena pelancaran Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT 2008) di sini hari ini.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, selain mempunyai tujuan dan objektif yang tersendiri, pelancaran dan pelaksanaan Inisiatif MSC Malaysia Sarawak akan turut menyokong rancangan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau Score.

Um - 20/5/2008  
"Saya sememangnya menantikan hari dan waktunya apabila semua rakyat Sarawak berjaya menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebahagian besar daripada hidup mereka.

"Bagi menjayakan inisiatif ini, Seri Sarawak PMC akan bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi Persekutuan terutamanya MDeC serta badan-badan lain dalam kerajaan negeri," katanya.

Abdul Taib berkata demikian dalam teks ucapan beliau yang dibacakan oleh Timbalannya, Tan Sri Dr. George Chan pada majlis hari ini.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri

turut menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman pelaksanaan Inisiatif MSC Malaysia Sarawak di antara kerajaan negeri Sarawak dan Seri Sarawak PMC.

Kerajaan negeri Sarawak diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wilson Baya Dandot sementara Seri Sarawak PMC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Polik Hamzah.

Pelan pembangunan Inisiatif MSC Malaysia Sarawak Fasa Satu kemudiannya, diserahkan oleh Polik kepada Ketua Pegawai Eksekutif MDeC, Datuk Badlisham Ghazali.